



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 8

22hb April 2010

TAMBAHAN No. 38
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 114.

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PERBEKALAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Perbekalan) 2010**.

Pengeluaran bagi perbelanjaan bagi tahun 2010

2. Maka hendaklah dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi empat ratus dua puluh tiga juta lapan ratus lima puluh dua ribu ringgit (RM423,852,000) daripada Kumpulan Wang Keselamatan Sosial bagi perbelanjaan untuk pentadbiran Rancangan Keselamatan Sosial bagi tahun 2010 sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual.

required under paragraph 17(b) of the Factories and Machinery (Notification, Certificate of Fitness and Inspection) Regulations 1970 [P.U. (A) 43/1970] for subsequent regular inspection after the expiry of such certificates of fitness on 17 April 2010.

Condition of exemption

3. The exemption under paragraph 2 is subject to the condition that all the Absorbers undergo an external inspection and non-destructive tests and the Inspector is satisfied with the result of such inspection and tests.

SCHEDULE

Registration No.

PMT 111670

PMT 111671

PMT 111672

PMT 111673

PMT 111674

PMT 111675

PMT 111676

PMT 111677

PMT 111678

PMT 111679

Made 8 April 2010

[KSM/PUU/T/01/02/03 Jld. 11(3); PN(PU²)235/XXV]

DATUK DR. S. SUBRAMANIAM
Minister of Human Resources

P.U. (A) 118.

AKTA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA 1957

PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (PINDAAN JADUAL) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957 [Akta 31], Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 10 Mac 2010.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Akta dipinda—

(a) dalam perenggan 1—

- (i) dengan menggantikan angka “11,164.94” dengan angka “12,523.75”; dan
- (ii) dengan menggantikan angka “9,480.90” dengan angka “10,270.05”;

(b) dalam perenggan 7—

- (i) dengan menggantikan angka “2,000” dengan angka “2,500”; dan
- (ii) dengan menggantikan angka “1,300” dengan angka “1,600”;

(c) dalam perenggan 9, dengan menggantikan angka “60,000” dengan angka “70,000”;

(d) dalam perenggan 10—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “Pengerusi” perkataan “dan Timbalan Pengerusi”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “Timbalan Pengerusi dan anggota” dengan perkataan “Anggota”;

(e) dalam perenggan 12—

- (i) dengan menggantikan angka “4,000” dengan angka “5,000”; dan
- (ii) dengan menggantikan angka “2,500” dengan angka “3,050”;

(f) dalam perenggan 18 dalam butiran “Pengerusi”, dengan menggantikan angka “2,000” dengan angka “3,000”; dan

(g) dalam perenggan 19 dalam butiran “Pengerusi”, dengan menggantikan angka “500” dengan angka “1,000”.

Dibuat 14 April 2010
[SPR(S)565; PN(PU²)373/II]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
Setiausaha Jemaah Menteri

ELECTION COMMISSION ACT 1957

ELECTION COMMISSION (AMENDMENT OF SCHEDULE) REGULATIONS 2010

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Election Commission Act 1957 [*Act 31*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Election Commission (Amendment of Schedule) Regulations 2010**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 10 March 2010.

Amendment of Schedule

2. The Schedule to the Act is amended—

(a) in paragraph 1—

- (i) by substituting for the figure “11,164.94” the figure “12,523.75”; and
- (ii) by substituting for the figure “9,480.90” the figure “10,270.05”;

(b) in paragraph 7—

- (i) by substituting for the figure “2,000” the figure “2,500”; and
- (ii) by substituting for the figure “1,300” the figure “1,600”;

(c) in paragraph 9, by substituting for the figure “60,000” the figure “70,000”;

(d) in paragraph 10—

- (i) by inserting after the word “Chairman” the words “and Deputy Chairman”; and
- (ii) by substituting for the words “Deputy Chairman and members” the word “Members”;

(e) in paragraph 12—

- (i) by substituting for the figure “4,000” the figure “5,000”; and
- (ii) by substituting for the figure “2,500” the figure “3,050”;

- (f) in paragraph 18 in the item “Chairman”, by substituting for the figure “2,000” the figure “3,000”; and
- (g) in paragraph 19 in the item “Chairman”, by substituting for the figure “500” the figure “1,000”.

Made 14 April 2010
[SPR(S)565; PN(PU²)373/II]

By Command

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
Secretary to the Cabinet

P.U. (A) 119.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN BANGUNAN INDUSTRI)
(BANGUNAN DI BAWAH PROJEK PENSWASTAAN DAN
INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan perenggan 80 Jadual Ketiga Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Bangunan di bawah Projek Penswastaan dan Inisiatif Pembiayaan Swasta) 2010**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009.

Bangunan industri bagi maksud Jadual 3 Akta

2. Di bawah Kaedah-Kaedah ini, suatu bangunan yang dibina—

- (a) di bawah suatu projek penswastaan dan inisiatif pembiayaan swasta yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penswastaan/PFI, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri; dan
- (b) menurut suatu perjanjian yang ditandatangani antara seseorang dengan Kerajaan Malaysia atau suatu badan berkanun berasaskan bina-pajak-senggara-pindah dan yang baginya tiada balasan dibayar oleh Kerajaan Malaysia atau badan berkanun itu kepada orang itu,

hendaklah dianggap sebagai suatu bangunan industri bagi maksud Jadual 3 Akta.